

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH – BN]**

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana persiapan lokasi acara sukan serta kesediaan atlet Malaysia menghadapi Sukan SEA 2017 yang bakal berlangsung pada 19 Ogos ini dan apakah sasaran pingat yang telah ditetapkan.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa persiapan lokasi acara sukan bagi menghadapi Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017 – KL2017) berada di tahap yang baik, mengikut jadual dan sama ada telah atau hampir siap untuk diserahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
2. Terdapat 35 lokasi di sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan, Langkawi dan Terengganu yang akan digunakan bagi KL2017 yang bakal berlangsung pada Ogos dan September nanti.
3. Bagi menjamin KL2017 menawarkan kemudahan bertaraf antarabangsa, Kementerian Belia dan Sukan telah menaik taraf kemudahan dan lokasi pertandingan di beberapa kluster utama di sekitar Kuala Lumpur.
4. Kluster utama iaitu Kuala Lumpur Sports City akan menjadi gelanggang perlawanan bagi acara olahraga, hoki, akuatik, badminton, bola sepak serta upacara pembukaan dan penutup. Kini hanya tinggal kerja-kerja *overlay* dan sentuhan terakhir yang sedang giat dilakukan.

SULIT

5. Selain itu, Velodrom Nasional yang bertaraf dunia telah siap dibina dan dilancarkan di Nilai, Negeri Sembilan akan digunakan untuk sukan berbasikal.
6. Beberapa pertandingan juga akan berlangsung di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Trade and Exhibition Center - MITEC) yang juga menjadi Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) dan Pusat Media Utama (MPC). MITEC kini sudah siap dan sedia untuk digunakan.
7. Begitu juga dengan acara yang lain seperti sukan luncur ais, yang akan berlangsung di Empire City Mall, Damansara Perdana yang telahpun siap dibangunkan.
8. Sebagai tuan rumah kepada acara berprestij ini, sudah tentunya sasaran Malaysia adalah untuk muncul juara keseluruhan bagi Sukan SEA untuk tahun 2017 dengan sasaran sebanyak 108 pingat emas.
9. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **874 orang atlet** (iaitu seramai 485 atlet lelaki dan 389 atlet wanita) daripada **38 jenis sukan**. Mereka seterusnya akan bertanding dalam **398 acara** daripada **404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL 2017. Atlet-atlet tersebut juga akan

SULIT

dibantu oleh **390 jurulatih**, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai **1264 orang**. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.

10. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi lebih **100 pingat emas** dari **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.
11. Berdasarkan penilaian prestasi yang dibuat semasa Bengkel Penetapan Sasaran bersama semua pemegang taruh di dalam program Kita Juara, sukan Berbasikal dan Terjun di jangka akan menjadi penyumbang terbesar pungutan pingat emas bagi Kontinjen Negara.
12. Sukan-sukan lain yang mampu memenangi pingat emas buat negara adalah seperti Gimrama, Skuasy, Wushu dan Silat. Pasukan Olahraga juga dijangka akan mampu melakukan kejutan berdasarkan prestasi atlet-atlet yang telah mencipta 24 rekod baru sepanjang 2015 hingga 2017 (13 rekod pada tahun 2017).

Sekian, terima kasih.